

**BANTUAN PELAJAR PENDIDIKAN TINGGI (BPPT)/  
BAUCAR BUKU 1 MALAYSIA (BB1M) TAHUN 2018**

**FAQ**

**1) Siapakah pelajar yang layak menerima Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi (BPPT)/ Baucar Buku 1 Malaysia (BB1M)?**

Pelajar-pelajar yang memenuhi semua kriteria berikut layak menerima BPPT/ BB1M:

- I. Warganegara Malaysia; dan
- II. Berstatus aktif sebagai pelajar sepenuh masa atau separuh masa pada tarikh **31 Disember 2017** di institusi pendidikan di Malaysia seperti berikut:
  - a) Tingkatan 6, Senior Middle 3, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Diploma Kolej Vokasional (Tahun 3 dan 4), Matrikulasi, Pengajian Asas (Foundation), Asasi, A-Level, Diploma, Diploma Lanjutan, Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah dan kursus profesional yang bertaraf diploma dan ke atas yang diiktiraf oleh Kerajaan atau badan-badan profesional di Malaysia; atau
  - b) IPT di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atau IPT yang telah berdaftar di bawah akta-akta yang berkuatkuasa.

**2) Berapakah nilai BPPT/ BB1M?**

- Nilai BPPT adalah RM250.

**3) Bolehkah pelajar menyemak status kelayakan masing-masing?**

- Bagi pelajar yang **telah mempunyai KADS1M**, mereka boleh menyemak status kelayakan masing-masing mulai 15 Mac 2018 di iRakyat, ATM dan CDM Bank Rakyat dan melalui portal <http://www.bankrakyat.com.my/bppt> mulai 2 April 2018.
- Bagi pelajar yang **belum mempunyai KADS1M**, semakan boleh dibuat melalui portal Bank Rakyat mulai 2 April 2018 di pautan <http://www.bankrakyat.com.my/bppt> sebelum pelajar membuat permohonan bagi pembukaan akaun.

4) **Bagaimanakah cara memohon BPPT/ BB1M?**

- Bagi pelajar yang **telah mempunyai KADS1M**, mereka **tidak perlu** membuat permohonan baharu. Bantuan akan disalurkan kepada yang layak (memenuhi syarat di para 1) mulai 15 Mac 2018 secara berperingkat. Semakan boleh dibuat di iRakyat, ATM dan CDM Bank Rakyat.
- Bagi pelajar yang **belum mempunyai KADS1M**, mereka boleh membuat semakan kelayakan dan membuat permohonan di **<http://www.bankrakyat.com.my/bppt>** mulai 2 April 2018. Pelajar yang layak boleh mendapatkan KADS1M di mana-mana cawangan Bank Rakyat selepas menerima pemakluman daripada Bank Rakyat.

5) **Apakah yang harus dibuat, sekiranya pelajar berpendapat ia memenuhi kriteria kelayakan menerima BPPT/BB1M 2018 tetapi semakan menunjukkan status "tidak ada dalam rekod"?**

- Pelajar diminta menghubungi Bahagian Hal Ehwal Pelajar di institusi masing-masing.

6) **Bilakah tarikh akhir permohonan BPPT/BB1M 2018?**

- Tarikh akhir bagi permohonan BPPT/BB1M 2018 adalah pada **31 Mei 2018**.

7) **Bilakah tarikh akhir pengambilan KADS1M?**

- Tarikh akhir bagi pengambilan KADS1M di semua cawangan Bank Rakyat adalah pada **31 Julai 2018**.

8) **Apakah faedah yang akan diperolehi oleh pelajar bagi penggunaan BPPT/BB1M 2018 melalui KADS1M?**

- Pelajar boleh menikmati pelbagai diskaun sekiranya menggunakan kad tersebut di premis rakan dagang yang berkaitan.

9) **Apa akan berlaku sekiranya bantuan tidak habis dibelanjakan?**

Baki dalam akaun KADS1M tiada tarikh tamat tempoh.

Tarikh Kemaskini: 15 Mac 2018